

## جدوال قمبراچان خطبه جمعة

Siri 2/ 2023

(Bulan Februari Tahun 2023)

موک سورت	تاریخ	تاجوق	ب
3	3 Februari 2023M/ 12 Rejab 1444H	Waspada Tipu Daya Siber	1.
9	10 Februari 2023M/ 19 Rejab 1444H	Halal dan Berkat	2.
16	17 Februari 2023M/ 26 Rejab 1444H	Meraih Keberkatan Dua Bulan Mulia	3.
24	24 Februari 2023M/ 3 Syaaban 1444H	Kasihi Kerabat Hidup Berkat	4.
30	Khutbah Kedua		

دبیاپاءى:



زكاة فولاو فينغ

دتریتکن:



جابتن حال إحوال اکام اسلام فولاو فينغ

---

## ***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





## Meraih Keberkatan Dua Bulan yang Mulia

(17 Februari 2023M / 26 Rejab 1444H)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ،

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِنْهَا  
أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتِّلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا  
يُقْتَلُونَكُمْ كَافَّةً وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Pada masa yang sama, marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan dengan asbab ketaatan dan ketakwaan kita kepada Allah



سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, segala bala dan ujian yang diberikan pada waktu dan ketika ini akan segera diangkat oleh Allah.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja, bermain telefon bimbit dan menggerakkan tabung kutipan Jumaat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Meraih Keberkatan Dua bulan Yang Mulia.”**

## **SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

Pada hari ini, tanpa sedar kita sudah memasuki hari-hari yang terakhir di dalam bulan Rejab dan akan menjelang pula bulan Sya’aban. Dengan kehadiran dua bulan ini, maka sudah pastinya kita akan tertunggu-tunggu dengan sinar kedatangan Ramadhan yang merupakan suatu rahmat bagi kita semua umat Nabi Muhammad ﷺ.

Dalam bulan Rejab, terdapat pelbagai peristiwa penting antaranya peristiwa *Israk* dan *Mikraj*. Israk bererti perjalanan Nabi ﷺ di waktu malam dengan menaiki *Buraq* dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa di Palestin. Seterusnya diikuti dengan *Mikraj* pula merujuk kepada peristiwa Rasulullah ﷺ di bawa naik ke tujuh lapisan langit sehinggalah ke *Sidratul Muntaha*.

Saban tahun apabila tibanya bulan Rejab, umat Islam di seluruh dunia pastinya akan mengadakan majlis sambutan peristiwa *Isra’ wal Mikraj*, bagi memperingati salah satu peristiwa agung yang menjadi mukjizat Rasulullah ﷺ.

Peristiwa ini telah diabadikan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Al Quran sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Isra' ayat 1:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِن مِّنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Maksudnya: “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekeliling, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (Kekuasaan Dan Kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Melalui peristiwa *Isra' wal Mikraj* juga, baginda Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Kemuncak peristiwa inilah Allah telah menfardhukan solat lima waktu kepada umat Islam. Begitu pentingnya perintah solat ini sehingga Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** memberikan perintah secara langsung kepada Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bukan hanya melalui Malaikat Jibril **عَلَيْهِمُ السَّلَامُ** seperti perintah puasa, zakat dan haji. Oleh itu mestilah diingat, bahawa meninggalkan solat fardhu lima waktu dengan sengaja itu hukumnya adalah berdosa besar. Firman Allah dalam surah Al-Muddasir ayat 38-43:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾ إِلَّا أَصْحَابَ الْيَمِينِ ﴿٣٩﴾ فِي جَنَّتٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٤٠﴾  
عَنِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٤١﴾ مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: “Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk) yang dikerjakan kecuali golongan kanan (mereka ditempatkan) di dalam

syurga (yang penuh nikmat) mereka bertanya-tanya tentang (tempat tinggal) orang-orang yang bersalah, mereka berkata): Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka? Orang-orang yang bersalah itu menjawab: Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan solat.”

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,

Antara intipati ayat 36 surah At-Taubah di permulaan khutbah adalah berkenaan kemuliaan 4 bulan yang dikenali sebagai bulan-bulan haram, antaranya adalah bulan Rejab. Salah satu daripada empat bulan selain bulan Zulkaedah, Zulhijjah dan juga Muharram. Ia dinamakan bulan Rejab kerana mereka mengagungkan bulan ini di zaman jahiliah dengan meninggalkan peperangan padanya. Perkara ini dijelaskan di dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abi Bakar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, bahawa Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

الرَّمَانُ قَدْ اسْتَدَارَ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ، السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ثَلَاثَةٌ مُتَوَالِيَاتٌ: ذُو الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحَرَّمُ، وَرَجَبُ مُصَرٍّ، الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ

Maksudnya: “Waktu berputar sebagaimana keadaannya ketika Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menciptakan langit dan bumi. Satu tahun terdiri daripada dua belas bulan, daripadanya terdapat empat bulan haram (suci) iaitu tiga daripadanya mengikut turutan iaitu Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram dan yang keempat adalah Rejab terletak antara Jamadil Akhir dan Sya’aban.”

Menurut pandangan Ibnu Abbas: “Setiap kezaliman yang dilakukan di dalam bulan-bulan haram ini, dosanya adalah lebih besar berbanding bulan-bulan lain. Begitu juga, amal soleh yang dilakukan adalah lebih besar (pahala) berbanding bulan-bulan yang lain.”



Justeru, marilah sama-sama kita memanfaatkan sebaik mungkin nikmat usia yang diberikan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** di dunia ini dengan melakukan amal ibadah terutamanya dibulan Rejab ini kerana ganjaran yang besar. Mudah-mudahan momentum ini akan berterusan sehingga kita memasuki bulan Syaaban dan Ramadhan.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH,**

Selain bulan Rejab, bulan Sya'aban juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Imam An-Nasai, daripada Usamah bin Zaid **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ**, beliau berkata: *Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa di dalam bulan Syaaban. Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* bersabda:

**ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ  
إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ ، فَأَحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ**

Maksudnya: *“Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadhan. Bulan tersebut adalah bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Rabbil’alamin (Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**), maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa.”*

Amatlah rugi sekiranya kita tidak memanfaatkan dua bulan yang mulia ini dengan melakukan ibadah dan sebagai persediaan awal sebelum memasuki bulan Ramadhan. Begitu besar ganjaran yang terdapat di dalam bulan ini sehinggakan terdapat doa yang diamalkan dan diriwayatkan oleh Anas bin Malik **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ** bahawa Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** apabila masuknya bulan Rejab, baginda bersabda:



كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ رَجَبٌ، قَالَ:  
اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي رَمَضَانَ

Maksudnya: “Ya Allah, Engkau berkatilah kepada kami pada bulan Rejab dan Sya’aban dan Kau berkatilah kepada kami pada bulan Ramadhan.”

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

## MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Marilah kita bersama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan tadi iaitu:

Pertama: Marilah kita merebut sebanyak mungkin peluang di dalam bulan Rejab dan Sya’aban dengan melakukan pelbagai ibadah wajib dan sunat.

Kedua: Peristiwa *Israk dan Mikraj* yang berlaku pada bulan Rejab mempunyai banyak hikmah dan pengajaran buat manusia.

Ketiga: Gunakan kesempatan di bulan Rejab dan Sya’aban untuk melakukan persediaan bagi meraih kemuncak ibadah di bulan Ramadhan.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah Al-Baqarah ayat 21:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia, beribadahlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu sebelum kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ  
الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.





# خطبة كدوا بولن فبرواري

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،  
ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا حَكِيمًا:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الْبَشَرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَانَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِن سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.*



*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara. Jauhkan kami dari tergolong dalam kalangan orang-orang yang mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٧﴾